

Newspaper	Berita Harian
Date	24 May 2015



Selepas lebih empat tahun melakukan lawatan rasmi pertamanya ke Jepun, Datuk Seri Najib Razak, akan kembali ke Negara Matahari Terbit hari ini bagi lawatan rasmi kedua, yang bakal membuka ruang untuk kejasama dan hubungan dua hala lebih erat di antara Kuala Lumpur dan Tokyo.

Perdana Menteri yang menerima jemputan rakan sejawatnya, Shinzo Abe, untuk lawatan ini, sepatutnya melawat Jepun Disember lalu, namun menangnya susulan banjir besar yang melanda beberapa negeri di Malaysia ketika itu.

Lawatan tiga hari Selama tiga hari di sini, jadual Najib padat dengan siri pertemuan, perbincangan dan taklimat berkaitan ekonomi dan pelaburan bersama konglomerat hebat Jepun, selain menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko.

Perdana Menteri bersama delegasi, termasuk Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, turut dijadual menghadiri

taklimat operasi kereta api laju Shansaken, sebelum menaiki sistem pengangkutan berteknologi tinggi itu dari sirii ke Sendai.

Bincang projek kereta api iaju

Jepun sebelum ini menyatakan minat untuk turut menyertai pembidaan antarabangsa bagi projek kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Ahmad Izlan Idris, (gambar) berkata delegasi Perdana Menteri akan turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Abe, selain menghadiri mesyuarat meja bulat hubungan ekonomi Malaysia-Jepun bersama 34 pemain industri terkemuka negara ini.



Dalam pertemuan kedua-dua pemimpin, Najib dan Abe, antara lain dijangka membincangkan isu berkaitan ASEAN dan antarabangsa, Dasar

Pandang ke Timur Gelombang Kedua (LEP) 2.0, pelaburan dan ekonomi serta bidang lain seperti pelancongan, pendidikan, teknologi dan automotif.

"Perdana Menteri juga dijemput menyampaikan ucapan pada sesi meja bulat Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) yang kali pertama diadakan di Jepun," kata Ahmad Izlan pada sidang media, di sini, semalam.